



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PEMENANG MYHACKATHON 2022 KOHORT 2

CYBERJAYA, 8 DISEMBER 2022 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah mengumumkan senarai pemenang bagi program **MYHackathon 2022 Kohort 2** pada majlis penutupan yang telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim.

Mengekalkan tema '**Hackathon Nasional Untuk Malaysia Inklusif**', program yang telah dilancarkan pada 22 November 2022 ini melabuhkan tirainya setelah dua (2) minggu menjalani kem intensif dan sesi bimbingan.

Empat (4) pemenang bagi setiap pernyataan masalah yang dikemukakan akan menerima **RM250,000.00**, selain bakal bekerja secara rapat dengan pemilik pernyataan masalah bagi memperhalusi rancangan pelaksanaan solusi untuk tempoh 12 bulan akan datang.

Dalam ucapannya, YBhg, Datuk Ts Dr. Haji Aminuddin bin Hassim menekankan peningkatan kualiti yang memberangsangkan bagi hampir kesemua penyertaan yang diterima. Ia diterjemahkan melalui idea dan solusi yang praktikal dan inovatif untuk dilaksanakan di peringkat nasional. Hal ini secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi servis perkhidmatan Kerajaan serta menambah baik sistem sedia ada.

"MYHackathon 2022 Kohort 2 berjaya mengumpulkan lebih daripada **268 penyertaan** daripada seluruh negara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kepakaran," katanya.

Sementara itu, menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Cradle, Norman Matthieu Vanhaecke, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) selaku agensi pelaksana bagi inisiatif MYStartup dan program MYHackathon 2022 akan terus memberi sokongan kepada semua *startup* di Malaysia dan membimbing mereka daripada peringkat idea sehingga peringkat pengkomersialan.

“Cradle akan terus mendukung aspirasi Kerajaan untuk menjadi sebagai salah satu daripada 20 ekosistem *startup* terbaik di dunia menjelang 2030 di bawah Pelan Halatuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030,” ujarnya.

MYHackathon 2022 Kohort 2 merupakan satu daripada pelbagai program di bawah satu inisiatif nasional iaitu MYStartup yang telah dilancarkan pada tahun lalu bagi menyokong dan membantu *startup* di peringkat awal untuk memacu perkembangan perniagaan mereka menerusi program-program pembangunan kapasiti.

Sehingga hari ini, lebih daripada **5,000 *startup*** dan individu telah menerima manfaat daripada inisiatif ini baik dalam bentuk perkongsian ilmu, sesi bimbingan bahkan geran pembangunan.

Terdahulu, sebanyak empat (4) pernyataan masalah telah dikemukakan oleh pihak kementerian dan agensi-agensi kerajaan untuk memperbaiki proses serta masalah mereka iaitu:

PERNYATAAN MASALAH		KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN
1.	Solusi pengurusan digital membantu meningkatkan budaya membaca murid dari pelbagai kategori	Kementerian Pendidikan Malaysia
2.	Solusi membantu memantau kesihatan pesakit buah pinggang kronik (<i>Chronic Kidney Disease</i>) secara menyeluruh	Kementerian Kesihatan Malaysia
3.	Solusi teknologi untuk memupuk amalan hijau melalui kebun komuniti, pengurusan 3R dan sistem ganjaran ke arah meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
4.	Solusi teknologi untuk menangani konflik manusia dan hidupan liar di kawasan sektor agromakanan.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau MAFI)

Kesemua peserta telah menjalani sesi *bootcamp* selama dua (2) minggu dan sesi pementoran secara *one-to-one* daripada mentor bertaraf dunia sebelum 20 finalis dipilih bagi sesi penyampaian peringkat akhir di Rekascape, Cyberjaya hari ini.

MYHackathon 2022 melabuhkan tirainya untuk tahun 2022 dan menyaksikan lebih 700 penyertaan dari individu berkumpulan dan *startup*. Hal ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa landskap ekosistem *startup* dan pendigitalan negara semakin berkembang dan memupuk *startup* di Malaysia supaya lebih mampan dan berdaya saing.

TAMAT

**Disediakan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
8 DISEMBER 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes

Pegawai Penerangan

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

03-88858299

emily@mosti.gov.my

Elmy Fairuz Azmi

PR & Media

Komunikasi Strategik

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)

012-271 3457

elmy@cradle.com.my